# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan) 1983**

**DR.40/1983**

D. R. No. 40 83

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor sebagaimana ianya terpakai bagi Wilayah Persekutuan.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan) 1983.

(2) Tertakluk kepada seksyen 3 (2), Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh selepas sahaja tarikh tersiarnya Akta ini dalam *Warta*.

Tafsiran. *Enakmen Selangor No. 3/52. P.U. (A) 44/74. Act A206.*

**2.** Dalam Akta ini, "Enakmen" ertinya Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor, sebagaimana diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974 yang dibuat menurut seksyen 6 (4) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 dan berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan menurut kuasa seksyen 6 (1) Akta itu.

Seksyen 11 yang baru.

**3.** (1) Enakmen adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 10, seksyen 11 yang baru seperti berikut:

"Duty of the Majlis for socio-economic development of Muslim.

11. (1) It shall be the duty of the Majlis to promote, stimulate, facilitate and undertake the economic and social development and well-being of the Muslim community in the Federal Territory consistently with Islamic Law.

(2) For purposes of subsection (1) the legal committee established under section 40 shall be a Syariah advisory body to advise the majlis on the operation of its business in order to ensure that they do not involve any element which is not approved by the Religion of Islam.

(3) The Majlis shall have power, for the purpose of the discharge of its duty under subsection (1)—

(*a*) to carry on all activities which will not involve any element which is not approved by the Religion of Islam particularly the development of commercial and industrial enterprises the carrying on whereof appears to it to be requisite, advantageous or convenient for or in connection with the discharge of its said duty, including the manufacturing, assembling, processing, packing, grading and marketing of products;

(*b*) to promote the carrying on of any such activities by other bodies or persons, and for that purpose to establish or expand, or promote the establishment or expansion of, other bodies to carry on any such activities either under the control or partial control of the Majlis or independently, and to give assistance to such bodies or to other bodies or persons appearing to the Majlis to have the facilities for the carrying on of any such activities, including financial assistance by the taking up of shares or loan capital or by loan or otherwise;

(*c*) to carry on any such activities in association with other bodies or persons, including the departments or authorities of the Federal Government, or as managing agent or otherwise on behalf of the Federal Government;

(*d*) to purchase, underwrite or otherwise acquire any stocks and shares in any public or private company, and to dispose of the same on such terms and conditions as the Majlis may determine;

(*e*) to establish any scheme for the granting of loans from the Fund to Muslim individuals, the establishment thereof being subject to the approval of the Minister of Finance in the case of a scheme established after the publication in the *Gazette* of the Act whereby this section was introduced into this Enactment;

(*f*) to establish and maintain training and research institutions; and

(*g*) to do all acts which the Majlis considers desirable or expedient.".

(2) Seksyen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 30hb Mei 1980.

**Seksyen 12 dan 12A yang baru.**

**4.** Enakmen adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 11, seksyen 12 dan 12A yang baru seperti berikut:

**"Power to establish corporations.**

12. (1) The Majlis may, with the approval of the Yang di-Pertuan Agong, from time to time by order published in the *Gazette,* establish a corporation by such name as the Majlis may think fit to carry out and have the charge, conduct and management of any project, scheme or enterprise which has been planned or undertaken by the Majlis in execution of its duty or powers under section 11.

(2) The Majlis shall, with the approval of the Yang di-Pertuan Agong by the same or by a different order, make provisions in respect of a corporation established under subsection (1) defining—

(*a*) the duties, powers, and rights of the corporations;

(*b*) the system of management of the corporation; and

(c) the relation between the corporation and the Majlis and its right of control over the corporation.

(3) The provisions of the Second Schedule shall apply to a corporation established by the Majlis under subsection (1).

Borrowing powers.

12A. (1) The Majlis may, with the approval of the Minister of Finance and upon such terms and conditions as may be determined by him, borrow such sums as it may require for discharging any of its functions under this Enactment.

(2) Sums borrowed by virtue of this section shall be paid into the Fund.".

Pindaan seksyen 45.

5. Subseksyen (4) seksyen 45 Enakmen adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "one month" dan "one hundred" dalam perenggan (a) masing-masingnya dengan perkataan-perkataan "three months" dan "five hundred"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "one thousand" dalam perenggan (b) dengan perkataan-perkataan "ten thousand".

Pindaan seksyen 47.

6. Seksyen 47 Enakmen adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "five thousand" dengan perkataan-perkataan "ten thousand".

Pindaan seksyen 86.

7. Proviso kepada subseksyen (1) seksyen 86 Enakmen adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "five hundred" dengan perkataan-perkataan "ten thousand".

Seksyen 94A yang baru.

8. Enakmen adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 94, seksyen 94A yang baru seperti berikut:

"Deposits.

94A. The Majlis may accept deposits into the Fund from Muslim individuals, bodies or organisations on such terms and conditions as to the repayment and investment thereof and the benefits payable thereon, or otherwise, as may be agreed between the Majlis and the depositor.".

**9.** Enakmen adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 101 dengan yang berikut: Pindaan seksyen 101.

"Audit and accounts. *Act 240.* 101. The provisions of the Statutory Bodies (Accounts and Annual Reports) Act 1980 shall apply to the Majlis and to any corporation established under this Enactment.".

**10.** Enakmen adalah dipinda dengan memansuhkan seksyen 102. Pemansuhan seksyen 102.

**11.** Seksyen 180 Enakmen adalah dipinda dengan memasukkan perkataan "First" sebelum perkataan "Schedule". Pindaan seksyen 180.

**12.** Jadual kepada Enakmen adalah dipinda dengan memasukkan perkataan "FIRST" sebelum perkataan "SCHEDULE". Pindaan Jadual.

**13.** Enakmen adalah dipinda dengan memasukkan Jadual Kedua yang baru selepas sahaja Jadual Pertama seperti berikut: Kemasukan Jadual Kedua.

"SECOND SCHEDULE

(Section 12 (3))

1. Nothing in section 12 shall be deemed to authorise the Majlis to make an order to establish any corporation having any duty, power or right which is not within the duties, powers or rights of the Majlis under this Enactment. Saving.

2. Subject to the provisions of this Enactment, any order made under section 12 shall be binding on the corporation in respect of which it was made and shall have effect for all purposes as if it had been enacted in this Enactment. Binding effect of orders.

3. The Majlis may, with the approval of the Yang di-Pertuan Agong, at any time amend, revoke or add to any order made in respect of any corporation under section 12. Amendment, etc., of orders.

4. The Majlis shall keep a register of all corporations established by it under section 12 and such register together with copies of all orders made under that section shall be open to public inspection at such place or places and at such times as it may prescribe. Register of corporations.

5. (1) The Majlis may, with the approval of the Yang di-Pertuan Agong, by order published in the *Gazette*, direct that any corporation established by it shall be wound-up and dissolved. Winding-up.

(2) Upon the dissolution of any corporation under this paragraph, the assets of the corporation after payment of all liabilities shall be transferred to and be vested in the Majlis.

(3) The winding-up of a corporation under this paragraph shall be conducted in such manner as the Majlis may prescribe.

Corporations to be bodies corporate.

6. Every corporation established under section 12 shall be a body corporate by such name as the Majlis shall give to it and shall have perpetual succession and a common seal and may sue and be sued in such name, and, for the purpose of furthering or fulfilling its functions, may enter into contracts and may hold and deal in or with any immovable or movable property and may do all other matters and things incidental or appertaining to a body corporate not inconsistent with the provisions of this Enactment and subject to such restrictions or limitations as may be prescribed by the Majlis in each case.

Common seal of a corporation.

7. (1) Every corporation shall have a common seal, which shall bear such device as the corporation, with the approval of the Majlis, may approve, and such seal may from time to time be broken, changed, altered and made anew by the corporation with the approval of the Majlis.

(2) Until a seal is provided by a corporation under this paragraph, a stamp bearing the name of the corporation may be used as a common seal.

(3) The common seal, or the stamp referred to in subparagraph (2), shall be in the custody of such person as the corporation shall direct and shall be authenticated by that person; and all deeds, documents and other instruments purporting to be sealed with the said seal, authenticated as aforesaid, shall until the contrary is proved be deemed to have been validly executed.

(4) Any document of instrument which if executed by a person not being a body corporate would not be required to be under seal may in like manner be executed by the corporation.

(5) The seal of every corporation shall be officially and judicially noticed.".

---

## HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor sebagaimana diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974 yang dibuat menurut seksyen 6 (4) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 dan berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan menurut kuasa seksyen 6 (1) Akta itu (kemudian dari ini disebut "Enakmen").

2. *Fasal 1* membuat peruntukan mengenai mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta yang dicadangkan. *Fasal 3* bertujuan memasukkan seksyen 11 yang baru dengan menentukan tugas Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan (kemudian dari ini disebut "Majlis") atas pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan bersesuaian dengan hukum Syarak. Majlis diberi tugas memajukan, memperangsang, mempercepatkan dan mengusahakan pembangunan dan kesentosaan masyarakat. Pada menjalankan tugas tersebut, Majlis diberi kuasa khususnya untuk menjalankan pembangunan enterprais perdagangan dan perindustrian atau memajukan perjalanan aktiviti-aktiviti itu oleh badan-badan atau orang-orang, lain, termasuklah peruntukan memberi bantuan kewangan. Majlis juga diberikuasa menyertai dalam usahaniaga bersama dengan badan-badan atau orang-orang lain termasuk Kerajaan Persekutuan. Kuasa-kuasa lain termasuklah pembelian stok dan syer dan penubuhan apa-apa skim berkenaan dengan pemberian pinjaman kepada orang-orang perseorangan beragama Islam, yang tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan, untuk menubuhkan dan menyenggarakan institusi latihan dan penyelidikan dan melakukan apa-apa perbuatan lain yang difikirkannya perlu atau mustahak. Untuk mencapai tujuan di atas, *fasal 4* bertujuan memberi kuasa kepada Majlis menubuhkan perbadanan-perbadanan.

3. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 45 Enakmen dengan menambah bidang-kuasa jenayah dan sivil bagi Mahkamah Kadi. Berkenaan dengan bidang-kuasa jenayahnya adalah dicadangkan untuk menambahnya dari sebulan penjara atau seratus ringgit denda kepada tiga bulan penjara atau lima ratus ringgit denda agar dapat mengurangkan beban Mahkamah Kadi Besar. Bagi maksud yang sama bidang-kuasa sivil bagi Mahkamah Kadi ditambahkan dari seribu ringgit berkenaan dengan amaun atau nilainya hal-perkara kepada sepuluh ribu ringgit. Ini juga adalah selaras dengan bidang kuasa Majistret berkenaan dengan bidang kuasa sivilnya.

4. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 47 Enakmen berkenaan dengan penentuan orang-orang yang berhak sebelum dikeluarkan perakuan pewarisan oleh Mahkamah Kadi. Ia bertujuan menambahkan bidang kuasa Mahkamah dari lima ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit dari nilai kasar harta pesaka si mati. Tujuan pindaan ini adalah serupa dengan perenggan 3 di atas.

5. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 86 Enakmen berkenaan dengan penguatkuasaan keputusan Mahkamah Syariah dengan menambah bidang kuasa Mahkamah Majistret dari lima ratus ringgit kepada sepuluh ribu ringgit. Ini adalah untuk menselaraskan bidang kuasanya dengan bidang kuasa asal Majistret berkenaan dengan perkara-perkara sivil sebanyak sepuluh ribu ringgit itu.

6. *Fasal 8* bertujuan memasukkan seksyen 94A yang baru ke dalam Enakmen yang memberi kuasa kepada Majlis untuk menerima wang deposit dimasukkan ke dalam Kumpulanwangnya dari orang-orang perseorangan yang berugama Islam, badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan bagi maksud pelaburan.

7. *Fasal 9* bertujuan meminda dan mengkanun semula seksyen 101 Enakmen bagi membolehkan dipakai Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 kepada Majlis terhadap mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah Enakmen.

8. Berbangkit daripada pindaan yang dilakukan ke atas seksyen 101 Enakmen oleh *fasal 9*, maka seksyen 102 Enakmen adalah tidak perlu lagi dan dengan itu seksyen berkenaan dimansuhkan oleh *fasal 10*.

9. *Fasal 11 dan 12* bertujuan membuat pindaan berbangkit disebabkan satu Jadual tambahan telah dimasukkan ke dalam Enakmen melalui *fasal 13*, Jadual yang baru itu, iaitu Jadual Kedua, membuat peruntukan-peruntukan yang akan terpakai bagi perbadanan yang ditubuhkan oleh Majlis di bawah seksyen 12 yang baru itu. Perbadanan yang ditubuhkan sedemikian itu adalah dikira suatu pertubuhan perbadanan dengan mempunyai suatu meterai biasa dan tugas, kuasa atau haknya hendaklah sama seperti tugas, kuasa atau hak Majlis di bawah Enakmen.

## *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 801.]